Spektrum

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

JANUARI 2024



PENSTRUKTURAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Kementerian Komunikasi dan Digital kini diasingkan kepada dua kementerian iaitu, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital susulan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 12 Disember 2023.

Sehubungan dengan itu, perbincangan penstrukturan Kementerian Komunikasi diadakan pada 11 Januari 2024 di Kompleks Kementerian Komunikasi antara, YB Fahmi Fadzil dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz.

Kementerian Komunikasi komited untuk mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan selari dengan keperluan semasa rakyat.





MAJLIS KEBERANGKATAN LAWATAN RASMI DYMM TUANKU SULTAN SELANGOR KE PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA

DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan berangkat melawat ibu pejabat Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) di Wisma Bernama, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur pada 3 Januari 2024 (Selasa).

Baginda diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin. Keberangkatan tiba Baginda berdua disambut oleh Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Dato Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Pengerusi BERNAMA, YBhg. Dato' Seri Wong Chun Wai.

Baginda berdua dibawa melawat ke bilik berita BERNAMA dan stesen BERNAMA TV serta menerima sembah taklimat berkenaan operasi agensi berita itu. Baginda turut dibawa melihat pameran bergambar serta koleksi peralatan yang pernah digunakan oleh petugas BERNAMA ketika membuat liputan.

Ini merupakan lawatan kedua DYMM Tuanku ke BERNAMA setelah kali pertama Baginda berangkat ke pejabat agensi berita adalah pada 10 Julai 1986 ketika Baginda bergelar Pemangku Raja Selangor.

Hadir sama Ketua Pengarang BERNAMA Nur-ul Afida Kamaludin; Timbalan Ketua Pengarang (Perkhidmatan Berita) Arul Rajoo Durar Raj; Timbalan Ketua Pengarang (Perkhidmatan Berita Ekonomi) Nasriah Darus serta pegawai-pegawai kanan BERNAMA.





"RAMPAS CINTAKU" TEMBUS PASARAN CHINA BERMULA 19 JANUARI

"Rampas Cintaku" musim 1 akan ditayangkan di China serentak dengan pelancaran "Rampas Cintaku" musim 2 di Malaysia melalui platform iQIYI bermula 19 Januari 2024.

Tayangan Perdana drama "Rampas Cintaku" musim 2 turut ditonton oleh Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching di Kuala Lumpur pada 12 Januari 2024.

Drama terbitan MIG Production dengan kerjasama iQIYI Original ini merupakan arahan Ejump Mohd serta dibarisi pelakon seperti Fasha Sandha, Afieq Shazwan dan Zarul Husin.





MyGCC KINI DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) merupakan agensi baharu bawah Kementerian Komunikasi (KK), berperanan sebagai pusat komunikasi orang awam bagi mendapatkan maklumat berkenaan dasar dan perkhidmatan kerajaan.

Lawatan kerja bagi meninjau operasi MyGCC di Cyberjaya telah diadakan oleh pengurusan tertinggi KK pada15 Januari 2024.





UJIAN KUALITI PERKHIDMATAN SELULAR (PANGGILAN SUARA)

Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil melakukan Ujian Kualiti Perkhidmatan Selular (panggilan suara) dari Parlimen ke Kementerian Komunikasi pada 9 Januari 2024.

Ujian ini bagi mengenal pasti isu panggilan terputus *(dropped calls)* melibatkan rangkaian penyedia perkhidmatan dengan menggunakan peralatan khas, iaitu *Nemo Walker Air* untuk panggilan berturutan *(repetitive calls)* dan panggilan berterusan *(continuous calls)*.



Hasil laporan analisis menunjukkan kualiti perkhidmatan adalah baik dan tiada panggilan terputus direkodkan oleh penyedia perkhidmatan, iaitu CelcomDigi, Maxis, TM Tech, U Mobile dan YTL.

Turut serta Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din.





POSKAD KHAS KEPADA SETIAUSAHA AGUNG PBB, ASPIRASI RAKYAT MALAYSIA DEMI KEAMANAN PALESTIN

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama-sama jemaah Menteri menandatangani poskad "We appeal for UN to accept The State of Palestine as a full member. Ceasefire now!" pada 17 Januari 2024 melalui Kempen Pengiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan Palestin.





Kempen ini merupakan kerjasama Kementerian Komunikasi dengan Pos Malaysia Berhad bagi membolehkan rakyat Malaysia menyalurkan pandangan kepada PBB dalam memelihara keamanan dan keselamatan sejagat.

Poskad ini boleh dibeli mulai 18 Januari 2024 di semua pejabat pos pada harga RM2 sekeping atau pada harga pakej RM6 untuk tiga keping secara dalam talian menerusi **shop.pos.com.my.**



PAKEJ P-HAILING RAHMAH TAWAR PELAN DATA 40GB SERENDAH RM33

Pakej P-Hailing RAHMAH yang diterajui Kementerian Komunikasi (KK) dengan kerjasama syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM (Unifi Mobile) dan YTL Communications (Yes) serta 16 syarikat penyedia platform p-hailing telah dilancarkan oleh Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil di Angkasapuri Kota Media pada 23 Januari 2024.

Pakej ini menawarkan perkhidmatan Internet serendah RM33 dengan pelan data sekurang-kurangnya 40GB sebulan. Insentif ini merupakan penghargaan kepada petugas syarikat p-hailing dalam usaha menyokong ekonomi digital, sekali gus memastikan perkhidmatan ini sampai kepada semua pengguna.

Hadir sama Ketua Setiausaha KK, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi) KK, Ma. Sivanesan; Timbalan Ketua Setiausaha (Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif) KK, Nik Kamaruzaman Nik Husin, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi serta penyedia platform p-hailing.







MENTERI KOMUNIKASI LAWAT MALAY MAIL

Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil meluangkan masa bersama warga kerja Malay Mail di Petaling Jaya pada 22 Januari 2024 untuk bertukar pandangan mengenai isu semasa dalam negara.





KK PASTIKAN MESEJ-MESEJ KRITIKAL BERI IMPAK KEPADA RAKYAT

Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil menyampaikan amanat tahun baharu 2024 semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Komunikasi (KK) di Putrajaya pada 30 Januari 2024.



KK akan memberi tumpuan dalam membantu semua kementerian bagi memastikan mesej-mesej kritikal sampai kepada golongan sasar serta memberi impak kepada rakyat.

Seluruh warga KK berperanan menyampaikan maklumat yang relevan dan sahih sebagai usaha memperkasakan sistem komunikasi Kerajaan.



KUNJUNGAN HORMAT JANUARI 2024



KUNJUNGAN HORMAT
Myren Network Sdn. Bhd. ke atas Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi.
9 JANUARI 2024



KUNJUNGAN HORMAT
Pengerusi Persatuan Pengarah Malaysia, Datuk Afdlin Shauki ke atas Menteri Komunikasi.
11 JANUARI 2024



KUNJUNGAN HORMAT
Ketua Pegawai Eksekutif, Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Mediha Mahmood ke atas Menteri Komunikasi.
15 JANUARI 2024



KUNJUNGAN HORMAT
Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Datuk Hasanuddin Yunus ke atas Menteri Komunikasi.
15 JANUARI 2024

JANUARI

SPEKTRUM 2024

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

MALAYSIA MADANI

Kementerian Komunikasi,
Lot 4G9, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia.